



05 JUL, 2024

Depan letak kubis, belakang sorok arak `lari` cukai

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Depan letak kubis, belakang sorok arak `lari` cukai

PETALING JAYA – Taktik satu sindiket menyembunyikan minuman keras tanpa cukai bersama sayur-sayuran import berjaya dipatahkan pihak kastam selepas memeriksa dua buah kontena di Pelabuhan Utara, Klang pada 13 Jun lalu.

Semakan mendapati barangan itu diisytihar sebagai sayur-sayuran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit 1 pada pukul 11.30 malam.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, pemeriksaan pihaknya menemukan sebanyak 8,600 liter minuman keras dipercayai dari China bernilai RM160,300 termasuk cukai dan duti import.

Katanya, modus operandi sindiket adalah dengan membuat pengisytiharan palsu sebagai sayur bagi mengaburi mata pihak berkuasa.



NORLELA (dua ari kiri) menunjukkan sebahagian minuman keras yang diisytihar sayur-sayuran import yang dirampas pada sidang akhbar di Kelana Jaya semalam.

“Sindiket itu menyorokkan minuman keras di bahagian belakang di sebalik sayuran import seperti brokoli dan kubis,” katanya pada sidang akhbar di Kompleks Kastam Kelana Jaya di sini semalam.

Jelas beliau, susulan itu seorang wakil perkapalan dipanggil untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Dalam kes berasingan, Norlela berkata, Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (Cobra) JKDM merampas sebanyak 1,566,000 batang rokok putih dan kretek bernilai RM1.35 juta termasuk duti dan cukai pada 19 Jun lalu.

Serbuan dilakukan di sebuah gudang terbiar. Sindiket dipercayai menggunakan setem cukai disyaki palsu pada beberapa jenama rokok yang dirampas bagi mengaburi mata pihak berkuasa.



05 JUL, 2024

Depan letak kubis, belakang sorok arak `lari` cukai

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA - Taktik satu sindiket menyembunyikan minuman keras t a n p a cukai bersama sayur-sayuran import berjaya dipatahkan pihak kastam selepas memeriksa dua b u a h kontena di Pelabuhan Utara, Klang pada 13 Jun lalu. Semakan mendapati barangan itu diisytihar sebagai sayur-sayuran kepada J a b a t a n Kast am Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit 1 p a d a pukul 11.30 malam.